



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PERASMIAN PENUTUPAN
PROGRAM CITRA NUSA @ MUZIUM : BERMALAM DI
MUZIUM PERDANA**

31 OGOS 2024

MUZIUM DAN GALERI BANK NEGARA MALAYSIA

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

(akan disediakan secara berasingan*)**

PENDAHULUAN

1. Hari ini, kita berkumpul sama-sama bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Program Citra Nusa @ Muzium : Bermalam di Muzium Perdana.**
2. Pada tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah merancang **11 program Citra Nusa @ Muzium** untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan khazanah warisan negara dalam kalangan masyarakat. **Program Bermalam di Muzium Perdana** ini juga merupakan salah satu program utama dalam **Program Citra Nusa @ Muzium.**
3. Program Citra Nusa@Muzium merupakan program permuziuman berteraskan warisan seni dan budaya yang berkonsepkan 'karnival' atau 'fiesta' yang mensasarkan penyertaan seluruh masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya dan kaum. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk **menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat '*tangible*'(ketara) dan '*intangible*'(tidak ketara) khususnya dalam kalangan generasi muda** menerusi pendekatan '*rejuvanate*' muzium (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM

4. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) di atas **penganjuran 'Program Bermalam di Muzium Perdana sejak tahun 2005**. Program Bermalam di Muzium ini dilaksanakan secara serentak di kesemua muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia dan muzium-muzium negeri/swasta/institusi di seluruh Malaysia.
5. Saya turut difahamkan bahawa pada tahun ini, **sebanyak 2202 orang peserta sekolah menengah yang berusia 13 hingga 17 tahun telah menyertai program ini**. Ini juga menunjukkan peningkatan amat ketara berbanding tahun lalu yang hanya melibatkan penyertaan **seramai 1500 pelajar**. Untuk makluman semua, program ini juga telah mencapai rekod "**Largest Participation in Patriotic Themed Poster Making**" dalam **Malaysia Book of Records**" melalui program sisipan yang telah diadakan pada malam 30 Ogos.
6. Tujuan penganjuran ini adalah bagi menyuburkan semangat cinta pada tanah air selain **memupuk apresiasi generasi muda ke atas warisan sejarah, seni dan budaya negara menerusi aktiviti permuziuman**. Secara tidak langsung program ini lazimnya dilakukan bersempena dengan bulan kemerdekaan dan mampu memberi impak lebih besar ke arah memperkasakan dan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

MUZIUM PLATFORM SEMARAKKAN PERPADUAN

7. Memfokuskan perpaduan dalam kepelbagaian berupaya mengeratkan jalinan antara kaum akan rasa kepunyaan bersama terhadap setiap budaya yang dibawa dari leluhur masing-masing, menyemai rasa hormat dan kefahaman antara satu sama lain dalam hidup bernegara.
8. Kita sedia maklum bahawa **generasi muda adalah aset dan khazanah negara yang tidak ternilai harganya serta merupakan pelaburan penting bagi menjamin masa depan negara dan penerus bangsa.** Masa yang semakin bergerak pantas dan generasi di hadapan saya inilah yang akan membawa hala tuju negara kita.
9. Justeru, saya juga ingin menyeru anak-anak semua agar meningkatkan semangat patriotisme serta memupuk semangat perpaduan dalam diri kita kerana sudah menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan kemerdekaan tanah air tercinta ini akan terus kekal dan dipertahankan.
10. Jabatan Muzium Malaysia misalnya mengambil inisiatif memperkenalkan program '**Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium**' (IPIM) menerusi kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperkasakan mata pelajaran Sejarah dalam kalangan para pelajar. Ini merupakan usaha kita untuk mempersiapkan mereka ke arah mendepani segala cabaran melalui

penghayatan sejarah kerana kata pepatah "**lebih banyak yang anda tahu tentang masa lalu, maka anda pasti lebih bersedia untuk masa depan**" (*the more you know about the past, the better prepared you are for the future*).

11. Usaha yang dijalankan menerusi program dan aktiviti yang dirangka melalui pendidikan, penyelidikan, pengalaman *in-situ* mampu menggalakkan budaya penyelidikan dan analisis serta bersama-sama meneroka sejarah, seni budaya dan alam semulajadi negara sekaligus memperkasa rasa cinta dan semangat patriotism dalam diri terhadap negara.
12. Saya juga berharap agar program-program yang seumpama ini diteruskan lagi bagi membantu usaha pihak kerajaan untuk membenihkan semangat patriotisme dan nilai perpaduan yang teguh dalam kalangan generasi muda hari ini. Saya percaya, anak-anak semua berpotensi mencorakkan masa depan yang lebih baik untuk tanahair kita.

Dengan itu, saya merasmikan Majlis Penutupan **PROGRAM "BERMALAM DI MUZIUM PERDANA 2024"**.

Sekian, terima kasih.